

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Please read this Product Disclosure Sheet before applying for this product and allow us to explain if you require any clarification. Please also read the Consent & Declaration and the related Terms & Conditions.

CONSOLIDATION FINANCING SCHEME

1) What is this product about?

Consolidation Financing Scheme is an unsecured term financing facility that provides Customers with the opportunity to consolidate all or several existing financing facilities into a single monthly payment, with no additional cash in hand. The main purpose of this product is to reduce your financial obligations and increase your take home pay.

2) What is the Syariah concept and structure for this product?

This financing is based on the concept of *Tawarruq*, whereby the Bank will purchase Syariah-compliant commodities from a supplier at the financing amount and then sell that commodity to the customer. After agreeing to purchase the commodities at a marked-up price (*Murabahah*) on a deferred payment basis, as owner of the commodities, the Customer will be presented with two options:

- i) Appoint BIBD as a disposal agent (*wakil*) to sell the commodities to a third party on the Customer's behalf, and a payment agent to credit the sale proceeds and make payment arrangements agreed by the Customer, or
- ii) Take physical delivery of the commodities for the Customer to sell them himself and bear all associated costs such as transportation, taxes, storage and etc.

If first option is selected, the Customer will obtain the financing amount from the sale of the commodities.

3) What commodities are being traded by BIBD?

The commodities traded for this concept are:

- Crude Palm Oil
- Polyethylene (PE)
- Any other Syariah-compliant commodities approved by BIBD's Syariah Advisory Body.

4) Who can apply?

Customers who wish to apply for the Consolidation Financing Scheme must meet the following criteria:

- Bruneian Citizen
- 18 years of age and above
- Receive fixed monthly income (Salary or pension)
- Employed with Brunei Government, Semi-Government or Private Companies approved by BIBD

The final entitlement shall be subject to BIBD's internal credit policies and overall assessment.

5) What are the conditions to apply for this product?

- Existing Total Debt Service Ratio must exceed 60% in order to be eligible to apply
- Only financing facilities that were granted before 8th June 2015 are allowed to be consolidated
- Only financing facilities under the name of the Customer are allowed to be consolidated (excluding guaranteed facilities)

6) Which financing facilities can be consolidated under this scheme?

All financing facilities except for Home/Mortgage financing can be consolidated.

7) How much is my entitlement?

The Consolidation Financing Scheme entitlement is subject to the total financing amount to be consolidated and calculated according to the following:

- Up to a maximum Total Debt Service Ratio (TDSR) of 60% for those with net income of BND 1,750.00 and above
- For those with net income of below BND 1,750.00 shall be subject to BIBD's policy

The final entitlement shall be subject to BIBD's internal credit policies and overall assessment.

8) Which financing obligations are included in the TDSR computation?

All financing obligations including credit card facilities are included in the TDSR computation.

9) Must all existing financing obligations be consolidated?

Either all or several existing financing obligations may be consolidated.

10) What is the maximum tenure?

The tenure offered shall be subject to BIBD's credit policies and overall assessment. A new payment schedule may be provided to you upon request at any financing branches.

11) What is the profit rate?

The financing is offered at a profit rate of 7.5% Annualised Profit Rate (APR).

12) Will the amount of my monthly payments vary throughout my financing tenure?

As the financing is offered at a fixed rate, the amount of your monthly payments will not vary.

13) What is the financing limit for the Consolidation Financing Scheme?

There is no financing limit as it is subject to the total financing amount to be consolidated according to your financing entitlement.

14) How do I apply?

You may speak to our Personal Bankers at any BIBD Financing Branch or our Financing Centre to submit the required documents and complete the Consumer Financing Form.

15) What documents do I need to submit?

The documents required for a Consolidation Financing Scheme application are as follows:

- Original copy of Identification Card
- Original copy of Latest Salary Slip
- Confirmation of Salary/ Pension/ Service Contract (where applicable)
- Bank Statements with other Financial Institutions (where applicable)
- Certificate of Balance from Financing Institutions, including Finance Companies (where applicable)

16) What are the fees and charges I have to pay?

The applicable fees and charges are provided in BIBD's prevailing Schedule of Tariffs, published on our website.

17) What if I fail to fulfill my obligations?

If you fail to make your monthly payments, the missed payments will be reflected in your Credit Bureau Report, which may affect the outcome of your future financing applications as it is included in the financing assessment.

You will still be liable to pay any outstanding balances to BIBD, which will include all fees related to the facility such as takaful, legal costs, etc if there are any legal proceedings. As such BIBD also has the right to consolidate your accounts with BIBD and set-off or transfer any outstanding sums as payment towards the facility.

18) What security/collateral do I have to provide?

A fixed monthly income such as your salary or pension is required to be assigned to BIBD as security/collateral.

19) Do I need Takaful coverage?

Takaful coverage is mandatory for all financing applications and the Takaful contribution is borne by you either via deduction from your financing amount or your account with BIBD. Please read the Terms & Conditions of the Takaful Form.

20) When do I start paying the monthly payments?

The monthly payments will commence one month after the disbursement of the financing and shall be deducted from your account with BIBD. For example, if the financing is disbursed in September, the monthly payment shall commence in October.

21) Do I need to disclose any other information?

For better credit assessment, it would be helpful to disclose to our Personal Bankers all information on existing financing obligations with BIBD and other Financial Institutions.

22) What are the major risks?

- Additional costs to bear from legal proceedings in the event of default
- Non-coverage of Takaful in the event of inaccurate information declared in the Takaful Form

It is important to read the Consent & Declaration and the Terms & Conditions

23) Can I settle my financing ahead of schedule?

Ibra (Rebate) will be given, subject to an amount to be determined by the bank at its sole discretion, for any financing amount settled earlier than maturity date including but not limited to the following situations:

- i) early settlement or early redemption including those arising from prepayments;
- ii) due to financing structuring exercise;
- iii) in the case of default;
- iv) in the event of termination or cancellation of financing before maturity date

24) Do I need a guarantor?

Guarantors are not required for this product.

25) What are the key terms and conditions that I should know?

You will be provided with the terms and conditions which include details on the following:

- *Aqad* (Offer and Acceptance) process
- Rights of Customer as purchaser of the commodity and appointment of BIBD as the *Wakil*
- Execution of transaction and security documents required by BIBD
- Consequences of events of default in payment

You are required to read and understand the terms and conditions provided to you.

26) What is my entitlement?


Financing Entitlement	BND		Profit Rate (APR)	%	
Financing Amount Applied	BND		Tenure	MTHS	
Deduction of Fees	BND		Monthly Payment	BND	
Remaining Financing Balance	BND		Take Home Pay	BND	

27) Are there any similar facilities/products available?

No.

28) What do I need to do if there are any changes to my contact details?

If there are any changes to your contact details, such as your address or your phone number, please:

- Visit any of our BIBD branches and complete the Personal Particular Update Form (PPU).
- Log into your BIBD Mobile and click on the icon  on the top right of the main page to enter the PPU platform.

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

29) Where can I get assistance and remedy?

If you require any assistance with the product, you may email our Customer Resolution Unit at customer.resolution@bibd.com.bn, call our Contact Centre at +673 2238181 or visit any of our branches. Complaints may also be addressed to:



Customer Resolution Department

Level 6, BIBD Headquarters
LOT 159
Jalan Pemancha
Bandar Seri Begawan
BS8711

If you are not satisfied with the result of our resolution on your query or complaint, you may contact Financial Consumer Issues at:

Brunei Darussalam Central Bank
Level 7, Ministry of Finance and Economy Building
Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan
BB3910, Brunei Darussalam

Contact no.: +6732380007
Email: fcj@bdcg.gov.bn

30) Where can I get further information?

Our Contact Centre is available 24 hours a day, 7 days a week at +673 2238181. Please also visit us at our website at www.bibd.com.bn, our Financing Centre at Kiulap or our Financing Branches:

- ◆ BIBD HQ Main Branch
- ◆ Rimba Branch
- ◆ Manggis Branch
- ◆ Gadong Branch
- ◆ Tanjung Bunut Branch
- ◆ Tutong Branch
- ◆ Seria Branch
- ◆ Panaga Branch
- ◆ Kuala Belait Branch
- ◆ Serusop Branch

IMPORTANT NOTE:

Legal action may be taken against you if you fail to pay your monthly payments in the manner stipulated in the contract between yourself and the Bank.
The final Terms and Conditions are as stipulated in the General *Tawarruq* Transactions Terms and Conditions of Sale after the Bank’s assessment and financing approval.
The entitlement provided in this Product Disclosure Sheet is valid at the time it is provided to you and is INDICATIVE, based on current guidelines, subject to changes upon final approval of the financing.

<p>I hereby confirm that I have explained the Product Disclosure Sheet (PDS) to the Customer in his/her preferred language.</p> <p>Preferred language :</p> <p>Name : _____</p> <p>ID No. : _____</p> <p>Date : _____</p>	<p>I hereby confirm that I have understood the explanation and content of the Product Disclosure Sheet (PDS) given in my preferred language.</p> <p>Preferred language:</p> <p>Name : _____</p> <p>ID No. : _____</p> <p>Date : _____</p>
---	---

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum memohon produk ini dan izinkan pihak kami menerangkan kepada awda sekiranya awda memerlukan apa-apa penjelasan. Sila juga baca Pengakuan dan Kebenaran dan Terma dan Syarat Am yang berkaitan.

SKIM PEMBIAYAAN PENYATUAN

1) Apakah produk ini?

Skim Pembiayaan Penyatuan adalah kemudahan pembiayaan berjangka tanpa cagaran yang memberikan pelanggan peluang untuk menyatukan semua atau beberapa kemudahan pembiayaan yang sedia ada kepada satu bayaran bulanan tanpa ada pemberian wang tunai tambahan. Tujuan utama produk ini adalah untuk mengurangkan obligasi kewangan awda dan menambah wang yang dibawa pulang awda.

2) Apakah konsep dan struktur Syariah bagi produk ini?

Pembiayaan ini adalah berdasarkan kepada konsep *Tawarruq*, yang mana pihak BIBD akan membeli komoditi-komoditi patuh syarak dari pembekal pada harga jumlah pembiayaan dan kemudian akan menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan. Setelah Pelanggan bersetuju untuk membeli komoditi pada harga jualan yang merangkumi kos pembelian dan keuntungan dengan pembayaran secara tangguh, sebagai pemilik komoditi, Pelanggan mempunyai dua pilihan:

- i) Melantik pihak BIBD sebagai agen pelupusan (*Wakil*) untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga bagi pihak Pelanggan, dan juga sebagai agen pembayaran untuk memasukkan hasil jualan dan membuat pembayaran mengikut aturan yang dipersetujui oleh Pelanggan, atau
- ii) Menerima penghantaran fizikal komoditi yang akan dijual sendiri oleh Pelanggan dan menanggung semua perbelanjaan yang berkenaan seperti kos penghantaran, cukai, penyimpanan dan sebagainya

Dengan memilih pilihan pertama, Pelanggan akan dapat memperolehi jumlah pembiayaan dari penjualan komoditi itu.

3) Apakah komoditi-komoditi yang diniagakan oleh pihak BIBD?

Komoditi-Komoditi yang diniagakan menggunakan konsep ini adalah:

- Minyak Mentah Kelapa Sawit
- Polythlene (PE)
- Komoditi patuh syarak lain yang telah diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah BIBD.

4) Siapakah yang boleh memohon?

Pelanggan yang ingin memohon Skim Pembiayaan Penyatuan mestilah memenuhi kriteria berikut:

- Warganegara/Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam
- Berumur 18 tahun dan ke atas
- Menerima pendapatan bulanan tetap (gaji atau pencen)
- Berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Separa Kerajaan atau Syarikat-Syarikat Swasta yang diiktiraf oleh Bank

Kelayakan yang muktamad adalah tertakluk kepada polisi kredit dalaman pihak BIBD dan penilaian keseluruhan.

5) Apakah syarat-syarat untuk memohon produk ini?

- Jumlah Nisbah Khidmat Hutang mestilah melebihi 60% bagi berkelayakan untuk memohon.
- Hanya kemudahan pembiayaan yang diluluskan sebelum 8hb. Jun 2015 sahaja diberi kebenaran untuk disatukan.
- Hanya kemudahan pembiayaan di bawah nama Pelanggan sahaja yang diberi kebenaran untuk disatukan (tidak termasuk kemudahan di bawah jaminan)

6) Kemudahan pembiayaan manakah yang boleh disatukan di bawah skim ini?

Semua kemudahan pembiayaan boleh disatukan kecuali pembiayaan Rumah/Gadai Janji.

7) Berapakah jumlah yang saya layak?

Kelayakan Skim Pembiayaan Penyatuan adalah tertakluk kepada jumlah pembiayaan yang akan disatukan dan dikira seperti berikut:

- Sehingga maksimum 60% daripada Jumlah Nisbah Khidmat Hutang (TDSR) bagi yang mempunyai pendapatan bersih BND 1,750.00 dan ke atas

<ul style="list-style-type: none"> ● Bagi yang mempunyai pendapatan bersih di bawah BND 1,750.00 adalah tertakluk kepada polisi BIBD Kelayakan yang muktamad adalah tertakluk kepada polisi kredit dalam pihak BIBD dan penilaian keseluruhan.
8) Obligasi pembiayaan manakah yang termasuk di dalam pengiraan TDSR?
<p>Semua obligasi pembiayaan termasuk kemudahan kad kredit adalah termasuk di dalam pengiraan TDSR.</p>
9) Adakah semua obligasi pembiayaan yang sedia mesti disatukan?
<p>Sama ada semua atau beberapa obligasi pembiayaan yang sedia ada boleh disatukan.</p>
10) Berapakah tempoh maksimum?
<p>Tempoh yang ditawarkan adalah tertakluk kepada polisi kredit dan penilaian keseluruhan BIBD. Jadual pembayaran baru akan diberikan atas permintaan awda di mana-mana cawangan pembiayaan.</p>
11) Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?
<p>Kadar keuntungan pembiayaan ditawarkan 7.5% Annualised Profit Rate (APR).</p>
12) Adakah jumlah bayaran bulanan saya akan berubah sepanjang tempoh pembiayaan saya?
<p>Oleh kerana pembiayaan yang ditawarkan adalah pada kadar tetap, bayaran bulanan awda tidak akan berubah-ubah.</p>
13) Apakah had pembiayaan bagi Skim Pembiayaan Penyatuan?
<p>Tiada had pembiayaan kerana ianya adalah tertakluk kepada jumlah keseluruhan pembiayaan yang akan disatukan mengikut kelayakan pembiayaan awda.</p>
14) Bagaimanakah cara saya untuk memohon?
<p>Awda boleh berbincang dengan Pegawai Perbankan Peribadi kami di Cawangan Pembiayaan BIBD atau di Pusat Pembiayaan kami untuk serahan dokumen-dokumen yang diperlukan dan melengkapkan Borang Pembiayaan Pengguna.</p>
15) Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya hadapkan?
<p>Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi Skim Pembiayaan Penyatuan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Salinan asal Kad Pengenalan ● Salinan asal Slip Gaji Terkini ● Pengesahan Gaji/Pencen/Kontrak Perkhidmatan (jika berkenaan) ● Penyata Bank dengan Institusi Kewangan yang lain (jika berkenaan) ● Sijil Baki dari Institusi Kewangan, termasuk Syarikat Kewangan (jika berkenaan)
16) Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?
<p>Caj dan yuran yang dikenakan adalah seperti di dalam Jadual Tarif semasa BIBD yang dipaparkan di laman web BIBD.</p>
17) Bagaimana jika saya gagal membuat bayaran bulanan saya?
<p>Jika awda gagal untuk membuat bayaran bulanan awda, bayaran yang tertunggak itu akan dicerminkan dalam Laporan Biro Kredit awda, yang mana boleh menjejaskan permohonan pembiayaan awda masa hadapan kerana laporan tersebut termasuk dalam penilaian pembiayaan.</p> <p>Awda masih bertanggungjawab untuk membayar mana-mana baki tertunggak kepada pihak BIBD termasuk segala bayaran yang berkaitan dengan kemudahan, seperti takaful, kos guaman dan sebagainya, jika terdapat sebarang prosiding undang-undang. Oleh itu pihak BIBD juga mempunyai hak untuk menyatukan akaun BIBD awda dan memindahkan sebarang jumlah baki akaun awda sebagai pembayaran terhadap kemudahan tersebut.</p>
18) Apakah cagaran/kolateral yang perlu saya berikan?
<p>Pendapatan tetap bulanan seperti gaji atau pencen awda hendaklah diserahkan hak kepada pihak BIBD sebagai cagaran/kolateral.</p>

19) Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Perlindungan takaful adalah diwajibkan bagi kesemua permohonan pembiayaan dan sumbangan Takaful akan ditanggung oleh awda sama ada melalui potongan daripada jumlah pembiayaan awda atau akaun awda dengan BIBD. Sila rujuk kepada Terma dan Syarat Borang Takaful.

20) Bilakah saya mula membuat bayaran bulanan?

Bayaran bulanan akan bermula sebulan selepas pembiayaan dikeluarkan dan akan dipotong dari akaun BIBD awda. Sebagai contoh, jika pembiayaan dikeluarkan pada bulan September, bayaran bulanan akan bermula pada bulan Oktober.

21) Adakah saya perlu mendedahkan apa-apa maklumat lain?

Bagi penilaian kredit yang lebih baik, awda dinasihatkan untuk mendedahkan kepada Pegawai Perbankan Peribadi kesemua maklumat mengenai obligasi pembiayaan awda yang sedia ada dengan pihak BIBD dan Institusi Kewangan yang lain.

22) Apakah risiko-risiko utama?

- Jika berlakunya hal kemungkiran (tiada pembayaran), kos tambahan boleh dikenakan dari prosiding undang-undang
- Tiada perlindungan Takaful sekiranya maklumat dalam Borang Takaful diisytiharkan tidak tepat.

Adalah penting untuk awda membaca Pengakuan & Kebenaran dan Terma & Syarat.

23) Bolehkah saya melunaskan pembiayaan saya lebih awal daripada jadual?

Ibra akan diberikan, tertakluk kepada jumlah yang akan ditentukan oleh pihak BIBD mengikut budi bicara mutlakanya, ke atas mana-mana jumlah pembiayaan yang dilunaskan awal dari tarikh matang termasuk tetapi tidak terhad kepada berikut:

- i) Pelunasan awal atau penebusan awal termasuk bayaran pendahuluan;
- ii) Disebabkan penstrukturan pembiayaan;
- iii) Disebabkan keingkaran;
- iv) Jika berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

24) Adakah saya memerlukan penjamin?

Penjamin tidak diperlukan untuk produk ini.

25) Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

Awda akan diberikan terma dan syarat yang termasuk maklumat mengenai seperti berikut:

- Proses Akad (Tawaran dan Penerimaan)
- Hak Pelanggan sebagai pembeli komoditi dan pelantikan BIBD sebagai *Wakil*
- Pelaksanaan dokumen transaksi dan sekuriti yang diperlukan oleh BIBD
- Akibat daripada kegagalan dalam membuat pembayaran

Awda dikehendaki membaca dan memahami terma dan syarat yang telah diberikan kepada awda.

26) Berapakah jumlah yang saya layak?


Kelayakan Pembiayaan	BND		Kadar Keuntungan (APR)	%	
Jumlah Pembiayaan Dipohonkan	BND		Tempoh	MTHS	
Potongan Yuran	BND		Bayaran Bulanan	BND	
Jumlah Baki Pembiayaan	BND		Jumlah Dibawa Pulang	BND	

27) Adakah terdapat kemudahan / produk yang sama?

Tidak.

28) Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada butiran hubungan saya?

Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran hubungan awda, seperti alamat atau nombor telefon, sila:

- Kunjungi cawangan BIBD kami dan lengkapkan Borang Kemaskini Keterangan Peribadi (PPU).
- Log masuk ke *BIBD Mobile* awda dan klik pada ikon  di bahagian atas kanan laman utama untuk memasuki platform PPU.

Adalah penting untuk awda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan awda bagi memastikan agar segala urusan surat-menyurat sampai kepada awda tepat pada masanya.

29) Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan remedi?

Jika awda memerlukan bantuan mengenai produk ini, awda boleh emel Jabatan Resolusi Pelanggan kami di customer.resolution@bibd.com.bn, hubungi Pusat Perhubungan kami di +6732238181 atau kunjungi cawangan-cawangan kami. Aduan juga boleh dialamatkan kepada:

Unit Resolusi Pelanggan
Tingkat 6, BIBD Headquarters
LOT 159
Jalan Pemancha
Bandar Seri Begawan
BS8711

Jika awda tidak berpuashati dengan keputusan resolusi kami terhadap pertanyaan atau aduan awda, awda boleh menghubungi Financial Consumer Issues di:

Brunei Darussalam Central Bank
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan
BB3910, Brunei Darussalam

Tel no.: +6732380007
Emel : fci@bdcdb.gov.bn

30) Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Pusat Perhubungan kami tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu di talian +673 223 8181. Sila juga kunjungi laman web kami di www.bibd.com.bn, Pusat Pembiayaan kami di Cawangan Kiulap atau Cawangan Pembiayaan kami di:

- ◆ Cawangan Ibu Pejabat BIBD
- ◆ Cawangan Rimba
- ◆ Cawangan Manggis
- ◆ Cawangan Gadong
- ◆ Cawangan Tanjung Bunut
- ◆ Cawangan Tutong
- ◆ Cawangan Seria
- ◆ Cawangan Panaga
- ◆ Cawangan Kuala Belait
- ◆ Cawangan Serusop

NOTA PENTING:

Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap awda sekiranya awda gagal untuk membayar ansuran mengikut cara yang telah ditetapkan dalam kontrak antara awda dan pihak Bank.

Terma dan Syarat muktamad adalah seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Jualan Transaksi *Tawarruq* Umum selepas penilaian pihak Bank serta kelulusan bagi pembiayaan.

Tertakluk kepada perubahan pada kelulusan muktamad pembiayaan, kelayakan yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah pada masa ia diberikan kepada awda dan INDIKATIF berdasarkan garis panduan semasa.



Saya dengan ini mengesahkan telah menerangkan Lembaran Maklumat Produk (PDS) kepada Pelanggan dalam bahasa pilihan.

Bahasa pilihan :

Nama :

No. ID :

Tarikh :

Saya dengan ini mengesahkan telah memahami penerangan dan kandungan Lembaran Maklumat Produk (PDS) yang diberikan dalam bahasa pilihan saya.

Bahasa pilihan :

Nama :

No. ID :

Tarikh :